

PERYEMBARAN BERKAS RAKYAT

# Utusan Ma

BIL. 87 — TARIKH KELUARAN: MIALA 19 NOVEMBER 1974 — 5 JUAZ

Kementerian Pelajaran pandan berat, siasatan akan dijalankan

## SOALAN SPM, MCE BOCOR

OAI ARSHAD ABDULLAH

IPOM 12 Nov. — Badan Bahasa Malaysia (terdiri satu dan dua) bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM dan MCE) telah didedahkan kepada di Fankh bank ini.

Ketiduran tersebut (dibatal) akan diperbaiki. Yang bertanggungjawab akan dipertanggungjawabkan, sebagai hukuman.

Salah satu pihak yang terlibat dalam perkara ini adalah...



# Calun2 SPM, MCE <sup>220</sup> diminta berada di pusat yang sama pada 6 Dis. <sup>172</sup>

*BERITA pertama mengenai kebocoran kertas soalan Bahasa Malaysia SPM, MCE disiarkan sebagai berita utama Utusan Malaysia keluaran 19 November.*

# PEPERIKSAAN B. MALAYSIA SEKALI LAGI

U.M. 22 NOV 1974

## SOKONG PUTUSAN KERAJAAN

KUALA LUMPUR 21 November — Majlis Tindakan Pelajaran Sosial menyokong penuh dengan keputusan kerajaan untuk mengadakan semula peperiksaan kertas Bahasa Malaysia satu dan dua SPM dan MCE pada 6 Disember ini.

Presidennya, Encik S. Radhakrishnan menyatakan, pihaknya adalah mengalu-alukan dan menyambut baik keputusan yang dibuat oleh Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad.

# Kebocoran berlaku berleluasa — Mahathir

DARI MUKA 1

"Kita tidak boleh bertindak sendirian yang mungkin menimbulkan akibat yang buruk."

Menurut Dr. Mahathir, berikutan dengan kebocoran itu kementeriannya telah menjalankan kajian dan mendapati kebocoran atas soalan Bahasa Malaysia kertas satu dan dua itu telah berlaku di beberapa pusat peperiksaan.

Calun-calun yang mengambil peperiksaan itu telah mengetahui kertas soalan tersebut sebelum hari peperiksaan.

Kebocoran ini berlaku secara berleluasa terutama di Perak, katanya.

"Memandangkan berleluasanya kebocoran itu, Kementerian Pelajaran telah menghu-

bungi Lembaga Peperiksaan Cambridge dan kedua pihak bersetuju membatalkan kertas soalan Bahasa Malaysia satu dan dua bagi peperiksaan SPM/MCE tahun 1974 ini", tambahnya.

"Peperiksaan semula kertas itu akan menjadi satu pengajaran kepada calun-calun yang telah membeli kertas soalan yang bocor itu kerana sekarang mereka baru tahu yang mereka tidak dapat lepas", katanya.

Dr. Mahathir berkata kementeriannya telah melaporkan kebocoran itu kepada polis dan siasatan ke atas perkara itu sedang berjalan lancar. Mereka yang terlibat sudah tentu akan dapat dikesan sama ada kakitangan kementerian atau orang berasingan.

Beliau menyangkal laporan sebuah akhbar (bukan Kumpulan U.usan) yang menyebut beliau sebagai mendakwa bahawa kebocoran itu berpunca kerana pecah amanah.

## Calun-calun SPM/MCE akan mengambil sekali lagi peperiksaan soalan Bahasa Malaysia satu dan dua — kertas soalan baru — pada 6 Disember.

Ini berikutan keputusan Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan Cambridge memutus untuk membatalkan kertas Bahasa Malaysia satu dan dua dalam peperiksaan SPM/MCE tahun ini yang diambil pada hari Isnin lalu.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad yang mengumumkan ini hari ini berkata peperiksaan semula kertas Bahasa Malaysia itu akan diadakan di pusat-pusat yang sama.

Kertas satu bermula jam 8.00 hingga 9.30 pagi dan kertas dua dari jam 10.00 hingga 11.30 pagi.

Bercakap di satu sidang akhbar di pejabatnya, Dr. Mahathir berkata:

"Bahasa Malaysia adalah penting; marilah kita berterus terang mengenainya. Ini merupakan pe-

KUALA LUMPUR 21 NOV.

ngajaran kepada orang yang tidak jujur bahawa perbuatannya tidak akan mendatangkan keuntungan kepadanya."

Peperiksaan semula soalan itu melibatkan lebih 150,000 orang calun.

Katanya, pihaknya sedar keputusan yang diambil itu mungkin mengganggu fikiran calun-calun yang tidak bersalah, tetapi kerana kebocoran meluas dan ramai yang terlibat kerajaan terpaksa membatalkannya.

Tindakan yang diambil itu adalah perlu untuk menentukan bahawa peperiksaan - peperiksaan yang dijalankan di negara ini akan sentiasa mempunyai taraf yang tinggi serta mendapat kepercayaan penuh dari segenap lapisan masyarakat.

Tambahnya, sebelum keputusan itu dibuat Kementerian Pelajaran telah mengadakan rundingan dengan Lembaga Peperiksaan Cambridge London.

LIHAT MUKA 12 (Ruangan 3)